



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**GARIS PANDUAN
FASILITI DAN PERKHIDMATAN
PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
DI MALAYSIA
EDISI PERTAMA**



**GARIS PANDUAN
FASILITI DAN PERKHIDMATAN
PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
DI MALAYSIA
EDISI PERTAMA**

e ISBN 978-629-98019-2-4

MOH/S/BPTK/13.23 (GU)-e

Diterbitkan kali pertama pada 2023

© Kementerian Kesihatan Malaysia, 2023

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem perolehan atau dihantar dalam sebarang bentuk atau melalui sebarang cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia
Blok E, Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: +603-22798100
Laman web: www.moh.gov.my/tcm

e ISBN 978-629-98019-2-4



9 786299 801924



Perutusan

Ketua Pengarah Kesihatan

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), atas usaha gigih dalam membangunkan Garis Panduan Fasiliti dan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari di Malaysia.

Terdapat pelbagai fasiliti penjagaan kesihatan swasta di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] menyediakan kerangka pengawalseliaan hospital swasta, klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta serta perkhidmatan lain seperti hospis, pusat jagaan ambulatori swasta dan rumah jagaan kejururawatan swasta. Walau bagaimanapun, fasiliti dan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) swasta tidak dikawal sedia di bawah Akta ini dan ketika ini, dikawal selia secara swa-kawal (kawalan sendiri).

KKM komited untuk memastikan keselamatan dan kualiti perkhidmatan PT&K di Malaysia. Justeru, KKM sedang giat berusaha ke arah pengawalseliaan berkanun ke atas fasiliti dan perkhidmatan PT&K swasta melalui penggubalan Akta Pengawalseliaan Fasiliti dan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari Swasta yang baharu.

Memahami bahawa proses mewujudkan undang-undang baharu akan mengambil masa, maka adalah diharapkan agar garis panduan ini dapat menjadi sumber rujukan penting dan signifikan bagi pengusaha dan pengendali fasiliti PT&K serta kepada pengamal PT&K yang ingin menyediakan perkhidmatan PT&K dalam tempoh swa-kawal ini. Garis panduan ini bukan sahaja akan memberikan manfaat kepada pengusaha dan pengendali fasiliti PT&K baharu, malah juga kepada fasiliti PT&K yang sedia ada. Amalan baik dan cadangan yang terdapat dalam garis panduan ini boleh digunakan untuk terus meningkatkan kecekapan pengurusan operasi dan penyampaian perkhidmatan PT&K dari semasa ke semasa. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih buat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan pengamal PT&K yang telah bekerjasama erat dengan KKM dalam membangunkan garis panduan ini.

Tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyumbang idea, pengetahuan dan kepakaran mereka untuk membangunkan dan menerbitkan Garis Panduan ini dengan jayanya. Kami berharap agar garis panduan ini dapat dioptimumkan sebaik mungkin oleh semua pihak berkepentingan dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan PT&K yang disediakan adalah berkesan, selamat dan berkualiti tinggi demi kesejahteraan rakyat.

Datuk Dr. Muhammad Radzi bin Abu Hasan
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia



Perutusan

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Tahniah kepada Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kerana telah berjaya menerbitkan Garis Panduan Fasiliti dan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari di Malaysia.

Garis panduan ini akan menjadi sumber rujukan penting bagi pengusaha dan pengendali fasiliti PT&K swasta yang baharu dan sedia ada di Malaysia. Garis panduan ini turut menjadi rujukan penting bagi pihak berkuasa tempatan dalam meluluskan permohonan baharu atau pembaharuan lesen perniagaan. Ia turut menjadi rujukan utama semasa menjalankan pemeriksaan ke atas fasiliti PT&K swasta, bagi memastikan operasi fasiliti dan perkhidmatan PT&K adalah mengikut piawaian serta keperluan yang ditetapkan oleh KKM dan pihak berkuasa berkaitan.

Garis panduan ini akan dilaksanakan melalui sesi libat urus yang komprehensif bersama pihak berkepentingan, termasuk pihak berkuasa tempatan, pengusaha fasiliti dan pengamal PT&K. Sesi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta memberikan pendidikan dan kesedaran berkenaan keperluan berkanun dan piawaian sukarela yang digariskan, ke arah penambahbaikan pengurusan operasi dan mutu penyampaian perkhidmatan PT&K.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atas semangat kerjasama mereka dengan KKM dalam membangunkan garis panduan ini. Penghargaan turut diberikan kepada semua Kementerian lain, Bahagian di bawah KKM, serta badan-badan pengamal PT&K yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses pembangunan ini.

Saya amat berbangga dengan kejayaan KKM dalam memupuk kerjasama rentas agensi demi menjayakan inisiatif penting ini. Diharapkan semangat kolaborasi ini akan berterusan pada masa hadapan, terutamanya apabila garis panduan ini dilaksanakan secara lebih meluas oleh semua pihak berkepentingan.

Sekali lagi tahniah kepada semua.

Dato' Dr. Asmayani binti Khalib
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia



Perutusan

Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

Salam Malaysia Madani dan salam sejahtera kepada semua.

Saya berasa amat berbesar hati atas kejayaan pembangunan Garis Panduan Fasiliti dan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari di Malaysia. Tahniah kepada Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terutamanya Cawangan Inspektorat dan Penguatkuasaan kerana berjaya menyediakan garis panduan ini.

Di Malaysia, terdapat banyak fasiliti swasta yang menyediakan perkhidmatan PT&K kepada orang awam. Buat masa ini, fasiliti-fasiliti tersebut beroperasi secara swa-kawal. Undang-undang sedia ada seperti Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775] hanya mengawal selia pengamal PT&K. Tujuan Akta 775 adalah untuk memastikan semua pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf adalah berdaftar dengan Majlis PT&K, yang ditubuhkan di bawah Akta ini. Ketika ini, terdapat tujuh bidang amalan diiktiraf di bawah Akta 775, iaitu Perubatan Tradisional Melayu, Perubatan Tradisional Cina, Perubatan Tradisional India, Amalan Pengubatan Islam, Homeopati, Kiropraktik dan Osteopati.

Garis panduan ini akan dilaksanakan melalui sesi libat urus yang komprehensif bersama pihak berkepentingan, termasuk pihak berkuasa tempatan, pengusaha fasiliti dan pengamal PT&K. Sesi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan memberikan pendedahan mengenai keperluan berkanun serta amalan terbaik yang digariskan, demi meningkatkan kecekapan pengurusan operasi dan penyampaian perkhidmatan PT&K.

Garis panduan ini terdiri daripada dua bahagian utama. Bahagian pertama garis panduan ini menyenaraikan keperluan berkanun yang mandatori bagi semua fasiliti PT&K untuk beroperasi secara sah di Malaysia. Bahagian kedua garis panduan ini pula mengandungi amalan terbaik yang digalakkan untuk diguna pakai oleh semua pengusaha fasiliti dan pengamal PT&K dalam operasi perkhidmatan mereka.

Adalah diharapkan agar garis panduan ini dapat dijadikan rujukan utama oleh penyedia perkhidmatan PT&K bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan sentiasa berkualiti dan selamat kepada pelanggan dan pesakit.

Dr. Goh Cheng Soon
Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
Kementerian Kesihatan Malaysia

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	1
1.1	Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K)	1
1.2	Pengawalseliaan Fasiliti dan Perkhidmatan PT&K	1
1.3	Garis Panduan Fasiliti dan Perkhidmatan PT&K di Malaysia	2
2.0	OBJEKTIF	3
3.0	SKOP GARIS PANDUAN	3
4.0	KEPERLUAN PERUNDANGAN	4
4.1	Pendaftaran Perniagaan	4
4.2	Lesen Perniagaan dan Papan Tanda.....	4
4.3	Peranti Perubatan.....	5
4.4	Produk PT&K.....	5
4.5	Pengambilan Kakitangan	6
4.6	Pengamal PT&K.....	6
4.7	Keperluan Keselamatan Kebakaran.....	7
4.8	Piawaian Kebersihan dan Sanitasi.....	7
4.9	Pengiklanan Fasiliti dan Perkhidmatan PT&K.....	8
5.0	PIAWAIAN SUKARELA	10
5.1	Pengurusan Kakitangan dan Operasi	10
5.1.1	Pelan Organisasi.....	10
5.1.2	Individu yang Bertanggungjawab.....	10
5.1.3	Pengamal PT&K.....	11
5.1.4	Manual Operasi.....	12
5.1.5	Manual Sumber Manusia.....	13

5.1.6	Daftar Kakitangan	13
5.2	Pengurusan Pesakit dan Perkhidmatan.....	15
5.2.1	Daftar Pesakit.....	15
5.2.2	Sistem Rekod Perubatan Pesakit	16
5.2.3	Rekod Perubatan Pesakit	16
5.2.4	Pendedahan Awal Intervensi Perubatan	17
5.2.5	Persetujuan Pesakit untuk Rawatan	17
5.2.6	Diagnosis dan Rawatan Pesakit	18
5.2.7	Penggunaan Peranti Perubatan.....	18
5.2.8	Kerahsiaan	19
5.2.9	Pelaporan Insiden	19
5.2.10	Pelan Pengendalian Aduan Pesakit.....	20
5.2.11	Prosedur Aduan	20
5.3	Keperluan Ruang untuk Fasiliti PT&K.....	22
5.3.1	Lokasi Fasiliti PT&K	22
5.3.2	Pintu, Pintu Masuk dan Pintu Keluar	22
5.3.3	Lif, Tangga dan Tanjakan	22
5.3.4	Ketetapan Kawasan untuk Penyediaan Perkhidmatan.....	23
5.3.5	Permukaan Dinding.....	27
5.3.6	Papan Tanda.....	27
5.3.7	Kemudahan Membasuh Tangan.....	27
5.3.8	Bekalan Air	28
5.3.9	Sistem Paip	28
5.3.10	Kawalan Udara dan Pengudaraan.....	28

5.4	Pengurusan Linen dan Sisa	29
5.4.1	Sisa Domestik	29
5.4.2	Sisa Klinikal	29
5.4.3	Bekalan Linen	30
5.5	Pengurusan Keselamatan dan Kecemasan	31
5.5.1	Pelan Tindak Balas Kecemasan	31
5.5.2	Maklumat Hubungan Kecemasan	32
5.5.3	Pelan Keselamatan Semasa Kecemasan	32
5.5.4	Penjagaan Kecemasan Asas	32
5.5.5	Keselamatan Kebakaran	34
5.5.6	Kawalan Infeksi	34
5.5.7	Kawalan Haiwan Perosak	36
5.5.8	Bekalan Kuasa Kecemasan	36
5.5.9	Penyelenggaraan Pencegahan Terancang	36
6.0	PENGHARGAAN	37
7.0	RUJUKAN	39

1.0 PENGENALAN

1.1 PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K)

Penggunaan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) adalah meluas di Malaysia. Walaupun perubatan konvensional menjadi tunjang utama dalam Sistem Penjagaan Kesihatan Kebangsaan, perkhidmatan PT&K kekal relevan dari sudut sosio-ekonomi kerana ia terus diamalkan sebagai salah satu kaedah dan pendekatan penjagaan kesihatan dalam kalangan rakyat Malaysia. Disebabkan kepelbagaian budaya dan etnik negara, terdapat pelbagai jenis amalan PT&K di Malaysia.

Di Malaysia, amalan PT&K, seperti yang ditakrifkan dalam Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [*Akta 775*], adalah satu bentuk amalan berkaitan kesihatan yang bertujuan untuk mencegah, merawat atau mengurus penyakit atau kesihatan atau untuk mengekalkan kesejahteraan mental dan fizikal seseorang. Amalan perubatan dan pergigian yang diamalkan oleh pengamal perubatan dan pengamal perubatan pergigian adalah tidak termasuk di bawah Akta 775.

Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 adalah undang-undang yang memperuntukkan penubuhan Majlis PT&K untuk mengawal selia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Ketika ini, terdapat tujuh (7) bidang amalan diiktiraf di bawah Akta 775 iaitu Perubatan Tradisional Melayu (PTM), Perubatan Tradisional Cina (PTC), Perubatan Tradisional India (PTI), Amalan Pengubatan Islam (API), Homeopati, Kiropraktik dan Osteopati. Akta ini bertujuan untuk memastikan semua pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf adalah berdaftar dengan Majlis PT&K. Akta ini juga bertujuan untuk menetapkan piawaian profesional kepada pengamal PT&K bagi memastikan penyediaan perkhidmatan PT&K di Malaysia adalah selamat dan berkualiti. Pelaksanaan penguatkuasaan Akta 775 adalah secara berfasa dengan fasa akhir penguatkuasaan adalah pada 1 Ogos 2024.

1.2 PENGAWALSELIAAN FASILITI DAN PERKHIDMATAN PT&K

Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bermatlamat untuk mentransformasikan industri PT&K bagi merealisasikan potensinya sebagai hab perkhidmatan PT&K profesional yang mempromosikan kemajuan ekonomi, kesihatan dan sosio-budaya negara. Untuk mencapai matlamat ini, jurang sedia ada dalam landskap kawal selia PT&K perlu ditangani. Ketika ini, Akta 775 hanya mengawal selia amalan serta pengamal PT&K dan tiada pihak berkuasa yang jelas untuk mengawasi pengawalseliaan fasiliti PT&K. Kekurangan piawaian bagi fasiliti PT&K swasta boleh menjejaskan keselamatan dan kualiti perkhidmatan

yang ditawarkan. Pada masa ini, fasiliti PT&K hanya perlu mendapatkan lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk beroperasi.

KKM sedang bergerak ke arah mengawal selia fasiliti PT&K, suatu agenda yang termaktub dalam pelbagai strategi nasional. Pengawalseliaan berkanun ke atas fasiliti dan perkhidmatan PT&K akan ditadbir oleh undang-undang baharu, iaitu Akta Pengawalseliaan Fasiliti dan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari Swasta, yang sedang dalam proses gubalan.

Proses penggubalan undang-undang baharu dijangka mengambil masa antara lima hingga sepuluh tahun, menjadikan industri ini sebahagiannya tidak dikawal selia dalam tempoh tersebut. Dengan demikian, Garis Panduan Fasiliti dan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari di Malaysia akan memainkan peranan penting dalam tempoh interim ini untuk mempromosikan kawal selia sendiri fasiliti PT&K.

1.3 GARIS PANDUAN FASILITI DAN PERKHIDMATAN PT&K DI MALAYSIA

Garis Panduan Fasiliti dan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari di Malaysia telah dibangunkan oleh Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), KKM. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan serta perundangan lain yang berkaitan, mengikut kesesuaian, yang mengawal aspek-aspek berkaitan PT&K di Malaysia.

Garis panduan ini terdiri daripada dua komponen utama, iaitu keperluan berkanun dan amalan terbaik. Keperluan berkanun merujuk kepada obligasi mandatori yang diperuntukkan oleh undang-undang dan peraturan-peraturan berkaitan di Malaysia. Fasiliti PT&K perlu mematuhi keperluan berkanun untuk beroperasi secara sah di Malaysia. Bahagian kedua garis panduan ini pula terdiri daripada amalan terbaik untuk fasiliti PT&K. Amalan terbaik ini digalakkan untuk diguna pakai oleh pengusaha fasiliti dan pengamal PT&K dalam operasi fasiliti mereka. Pengamalan amalan terbaik ini akan membantu KKM dalam menilai kesesuaian amalan yang dicadangkan serta memudahkan pematuhan industri PT&K terhadap Akta yang baharu kelak. BPTK bertanggungjawab terhadap garis panduan ini dan boleh membuat pindaan kepadanya dari semasa ke semasa dan mengikut keperluan.

2.0 OBJEKTIF

Garis Panduan Fasiliti dan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari di Malaysia ini bermatlamat untuk:

- (i) Memberikan panduan kepada pengusaha fasiliti dan pengamal PT&K mengenai pengurusan operasi fasiliti PT&K dan penyampaian perkhidmatan PT&K; dan
- (ii) Menggalakkan pelaksanaan fasiliti dan perkhidmatan PT&K yang sejajar dengan piawaian serta keperluan yang ditetapkan oleh KKM dan pihak berkuasa berkaitan, demi memastikan tahap keselamatan dan kualiti penjagaan pesakit yang optimum.

3.0 SKOP GARIS PANDUAN

Garis Panduan ini menetapkan keperluan serta piawaian minimum bagi perkhidmatan PT&K untuk pesakit dalam dan pesakit luar yang ditawarkan oleh fasiliti PT&K swasta.

- (i) Perkhidmatan pesakit dalam merangkumi kemasukan pesakit yang memerlukan penginapan semalaman di fasiliti PT&K.
- (ii) Perkhidmatan pesakit luar pula merangkumi diagnosis dan rawatan pesakit semasa waktu operasi, tanpa memerlukan penginapan semalaman di fasiliti PT&K.

Bahagian pertama garis panduan ini menyenaraikan keperluan berkanun yang mandatori bagi semua fasiliti PT&K untuk beroperasi di Malaysia. Bahagian kedua garis panduan ini terdiri daripada amalan terbaik yang digalakkan untuk diguna pakai oleh semua pengusaha fasiliti dan pengamal PT&K dalam operasi fasiliti mereka.

4.0 KEPERLUAN PERUNDANGAN

Pengusaha fasiliti PT&K adalah bertanggungjawab untuk memastikan operasi fasiliti mematuhi undang-undang dan peraturan-peraturan yang mengawal selia amalan PT&K di Malaysia. Fasiliti PT&K mesti mematuhi keperluan berkanun seperti yang berikut untuk beroperasi secara sah mengikut undang-undang di Malaysia.

4.1 PENDAFTARAN PERNIAGAAN

- (i) Bergantung kepada entiti perniagaan, fasiliti PT&K perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melainkan jika dikecualikan oleh undang-undang seperti Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Syarikat 2016 atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.
- (ii) Sijil pendaftaran daripada SSM membuktikan bahawa sesuatu entiti perniagaan itu adalah sah dan diberi kuasa secara undang-undang untuk menjalankan aktiviti serta mengadakan kontrak dengan bank, agensi kerajaan dan entiti bukan kerajaan.
- (iii) Sijil pendaftaran yang dikeluarkan bagi perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 mesti dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dan boleh diakses oleh semua kakitangan dan pelanggan di fasiliti PT&K.
- (iv) Fasiliti PT&K bertanggungjawab untuk mematuhi semua keperluan seperti yang diperuntukkan dalam perundangan yang berkaitan. Contohnya: syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 mesti memaparkan nama berdaftar dan nombor pendaftaran syarikat di setiap premis operasi perniagaan dan pada semua dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh syarikat.

4.2 LESEN PERNIAGAAN DAN PAPAN TANDA

- (i) Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, fasiliti PT&K mesti mendapatkan lesen, permit, atau surat kelulusan yang diperlukan daripada jabatan pelesenan, pihak berkuasa tempatan (PBT), tertakluk kepada lokasi fasiliti PT&K dan jenis perniagaan.
- (ii) Lesen perniagaan menunjukkan bahawa fasiliti PT&K adalah perniagaan yang sah, bertanggungjawab terhadap aktivitinya dan tidak menyebabkan kemudaratan kepada keselamatan dan kesihatan awam.

- (iii) Fasiliti PT&K hendaklah mempamerkan lesen perniagaan di tempat yang mudah dilihat oleh semua kakitangan dan pelanggan.
- (iv) Saiz papan tanda pula hendaklah mematuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh PBT dan kandungannya perlu memenuhi keperluan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

4.3 PERANTI PERUBATAN

Semua peranti perubatan yang digunakan di fasiliti PT&K hendaklah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), melainkan jika dikecualikan di bawah Akta Peranti Perubatan 2012.

4.4 PRODUK PT&K

- (i) Produk PT&K merujuk kepada sebarang ubat, produk atau bahan rawatan yang dipreskripsi oleh pengamal PT&K berdaftar dan didispens kepada pesakit bagi tujuan rawatan atau pencegahan penyakit, sama ada diambil secara dalaman atau digunakan secara luaran.
- (ii) Mengikut Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, semua ubat, produk dan bahan rawatan yang dikilang, dijual, dibekal, diimport, dimiliki atau diberikan di fasiliti PT&K mesti didaftarkan dengan pihak berkuasa berkaitan seperti Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) atau Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM), KKM, melainkan diberikan pengecualian di bawah perundangan yang sedang berkuat kuasa.
- (iii) Selaras dengan Akta Racun 1952, fasiliti PT&K tidak boleh memiliki untuk jualan, menjual atau membekal mana-mana racun berjadual yang disenaraikan dalam Senarai Racun, Jadual Pertama, Akta Racun 1952 dan Peraturan-Peraturannya.
- (iv) Ubat, produk dan bahan rawatan yang telah tamat tempoh, tercemar atau dihentikan penggunaannya hendaklah dilupuskan dengan betul mengikut polisi fasiliti PT&K dan mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal pelupusan tersebut.
- (v) Penyimpanan, pembungkusan, pelabelan dan pendispensan semua ubat, produk dan bahan rawatan mesti mematuhi garis panduan dan undang-undang bertulis yang berkaitan. Sebagai contoh, mengikut Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal

PT&K, bungkusan pendispensan pesakit bagi produk PT&K hendaklah mengandungi maklumat seperti yang berikut:

- (a) Nama dan alamat premis/ pengamal PT&K;
- (b) Nama generik ubat/ nama bahan aktif;
- (c) Nama pesakit;
- (d) Tarikh ubat dibekal atau dijual;
- (e) Nombor rujukan pesakit dalam rekod perubatan pesakit; dan
- (f) Arahan lengkap tentang cara mengambil ubat.

4.5 PENGAMBILAN KAKITANGAN

- (i) Pengambilan kakitangan mestilah selaras dengan perundangan yang berkaitan, seperti Akta Kerja (Pindaan) 2022.
- (ii) Selain itu, pengamal PT&K dan kakitangan lain hendaklah mematuhi undang-undang berkaitan seperti Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (PERKESO) dan Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (KWSP).

4.6 PENGAMAL PT&K

- (i) Semua pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf di bawah Akta 775 yang berhasrat untuk mengamal di fasiliti PT&K di Malaysia hendaklah berdaftar dengan Majlis PT&K dan memegang Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (PPPB) (untuk pengamal PT&K warga tempatan) atau Perakuan Pengamalan Sementara (PPS) (untuk pengamal PT&K warga asing) yang sah.
- (ii) Pengamal atau pembantu pengamal PT&K warga asing yang digaji di fasiliti PT&K juga dikehendaki mendapatkan Pas Penggajian (PP) ekspatriat yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Majikan yang menggaji pengamal atau pembantu pengamal PT&K warga asing mesti memohon PP ekspatriat melalui platform dalam talian iaitu *Xpats Gateway*, yang boleh diakses melalui laman web Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (ESD) di esd.imi.gov.my. Proses permohonan untuk PP ekspatriat

melibatkan perolehan surat maklum balas/ sokongan daripada BPTK. Pengamal PT&K warga asing kemudian dikehendaki memohon PPS daripada Majlis PT&K selepas mendapatkan PP ekspatriat daripada JIM. Pihak yang berminat boleh merujuk Garis Panduan Permohonan Pembantu Pengamal PT&K Warga Asing dan Garis Panduan Pendaftaran Pengamal PT&K Warga Asing untuk maklumat lanjut.

- (iii) PPPB/ PPS mesti dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dan boleh diakses oleh semua kakitangan dan pelanggan di fasiliti tersebut.

4.7 KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN

- (i) Mengikut Akta Perkhidmatan Bomba 1988, fasiliti PT&K perlu mempunyai perakuan bomba yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan diperbaharui setiap tahun.
- (ii) Di bawah Perintah Perkhidmatan Bomba (Premis Ditetapkan) (Pindaan) 2020, perakuan bomba diperlukan jika bangunan memenuhi kriteria 'premis ditetapkan'.
- (iii) Sebagai contoh, hospital dengan jumlah keluasan lantai 2,000 meter persegi atau lebih, atau 5 tingkat atau lebih, memerlukan perakuan bomba. Kedai dengan jumlah keluasan lantai 3,000 meter persegi atau lebih juga memerlukan perakuan bomba.
- (iv) Perakuan ini mengesahkan bahawa bangunan telah lulus audit keselamatan kebakaran dan mematuhi keperluan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Perkhidmatan Bomba 1988 serta Peraturan-Peraturannya, termasuk penyediaan alat pemadam api yang berfungsi, laluan keluar kecemasan yang tidak dihalang, dan papan tanda yang jelas.

4.8 PIAWAIAN KEBERSIHAN DAN SANITASI

- (i) Fasiliti PT&K mesti mematuhi piawaian kebersihan dan sanitasi yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - (a) Polisi dan Prosedur Kawalan Infeksi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - (b) Dasar Kebersihan Negara oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

- (c) Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Sisa Klinikal di Malaysia oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Malaysia.

4.9 PENGIKLANAN FASILITI DAN PERKHIDMATAN PT&K

- (i) Menurut Akta Ubat (Iklan dan Jualan) 1956 [*Akta 290*], iklan merangkumi apa-apa notis, pekeliling, laporan, ulasan, risalah, label, pembalut, atau dokumen lain, serta apa-apa pengumuman yang dibuat secara lisan atau dengan apa-apa cara menghasilkan atau menghantar cahaya atau bunyi. Bentuk fizikal iklan termasuk kad nama, risalah, banting, poster dan papan tanda. Bentuk digital iklan termasuk laman web, blog, siaran di media sosial seperti Facebook dan Instagram, video di laman perkongsian kandungan seperti YouTube, TikTok dan sebagainya.
- (ii) Pengusaha fasiliti dan pengamal PT&K yang ingin mengiklankan fasiliti atau perkhidmatan mereka hendaklah mematuhi:
- (a) Undang-undang dan peraturan-peraturan sedia ada yang berkaitan dengan pengiklanan fasiliti dan perkhidmatan, seperti:
- Larangan membuat pernyataan palsu atau yang mengelirukan berkaitan perkhidmatan PT&K yang disediakan oleh pengamal berdaftar atau orang yang menggajikan pengamal itu di bawah Akta 775.
 - Larangan penggunaan gelaran dan singkatan yang tertentu seperti yang telah ditentukan oleh Majlis PT&K dalam Pemberitahuan Senarai Gelaran dan Singkatan yang Dilarang [P.U. (B) 2022].
 - Larangan mengiklankan penyakit tertentu, pengguguran dan kemahiran atau perkhidmatan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Jualan) 1956.
 - Larangan penggunaan istilah "klinik" atau "dispensari" atau "hospital" atau mana-mana istilah yang bersamaan yang mempunyai maksud yang sama dalam nama perniagaan atau syarikat di bawah Akta Perubatan 1971.
 - Larangan penggunaan gelaran "Pharmacist", "Chemist", "Druggist" atau mana-mana istilah yang bersamaan yang mempunyai maksud yang sama dalam nama perniagaan atau syarikat atau dispensari di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951.

- (b) Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K.
 - (c) Garis panduan yang berkaitan (contohnya: Garis Panduan Pengiklanan bagi Pengamal PT&K).
- (iii) Kenyataan dalam iklan mestilah tepat dan berasaskan fakta. Ia tidak boleh bersifat keterlaluan, palsu, mengelirukan atau menipu sehingga menimbulkan gambaran yang salah kepada orang awam tentang kemahiran atau perkhidmatan yang ditawarkan.

5.0 PIAWAIAN SUKARELA

Selain memenuhi keperluan berkanun, pengusaha fasiliti dan pengamal PT&K digalakkan untuk mengamalkan amalan terbaik seperti yang berikut bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kualiti penjagaan yang disediakan.

5.1 PENGURUSAN KAKITANGAN DAN OPERASI

5.1.1 PELAN ORGANISASI

- (i) Semua fasiliti PT&K harus mempunyai pelan organisasi yang merangkumi carta organisasi yang perlu dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di fasiliti tersebut.
- (ii) Pelan organisasi ini harus menentukan fungsi, kuasa dan tanggungjawab setiap kategori kakitangan.
- (iii) Semua pengamal PT&K berdaftar dan kakitangan sokongan dianggap sebagai sebahagian daripada organisasi.
- (iv) Pelan ini harus dalam bentuk bertulis dan mudah dilihat atau diakses oleh semua kakitangan di fasiliti tersebut.

5.1.2 INDIVIDU YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pelesen fasiliti PT&K hendaklah melantik seorang pengamal PT&K berdaftar sebagai individu yang bertanggungjawab. Tanggungjawab individu yang bertanggungjawab bagi fasiliti PT&K ini termasuk:

- (i) Menguruskan fasiliti PT&K dan penyediaan semua perkhidmatan.
- (ii) Menyelia semua individu yang digaji atau terlibat dalam fasiliti PT&K serta semua perkhidmatan yang disediakan.

- (iii) Memastikan semua perkhidmatan PT&K yang diberikan kepada pelanggan disediakan oleh pengamal PT&K berdaftar dan rekod kelayakan, Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (PPPB), Perakuan Pengamalan Sementara (PPS), latihan, kemahiran dan pengalaman mereka adalah diselenggarakan.
- (iv) Menggalakkan dan menyokong pembelajaran berterusan serta pembangunan profesional semua pengamal PT&K dan kakitangan.
- (v) Memastikan fasiliti PT&K dilengkapi dengan alat bantuan dan peralatan yang selamat serta berfungsi untuk kakitangan dan mereka yang memerlukan penjagaan, seperti kerusi roda, pemegang tangan, tanjakan kerusi roda dan lain-lain.
- (vi) Memastikan penyimpanan, pembungkusan, pelabelan dan pendispensan semua ubat, produk dan bahan rawatan mematuhi keperluan garis panduan serta undang-undang bertulis yang berkaitan.
- (vii) Melaksanakan tugas dan tanggungjawab lain yang dianggap perlu untuk memastikan fasiliti PT&K dan perkhidmatan yang disediakan memenuhi piawaian serta keperluan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan bagi mengekalkan tahap keselamatan dan kualiti penjagaan yang bermutu tinggi.

5.1.3 PENGAMAL PT&K

- (i) Pelesen fasiliti PT&K adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua pengamal PT&K dalam bidang amalan diiktiraf yang digaji untuk menyediakan perkhidmatan PT&K adalah berdaftar dengan Majlis PT&K.
- (ii) Semua pengamal PT&K yang digaji di fasiliti tersebut mesti memegang Perakuan Pengamalan Pengamal Berdaftar (PPPB) atau Perakuan Pengamalan Sementara (PPS) yang sah.
- (iii) Perakuan pengamalan yang sah tersebut perlu dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dan boleh diakses oleh semua kakitangan dan pelanggan di fasiliti tersebut.

- (iv) Semua pengamal PT&K perlu memastikan bahawa semua butiran pendaftaran, kelayakan, latihan, kemahiran dan pengalaman mereka diberikan kepada individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K.
- (v) Semua pengamal PT&K hendaklah melaksanakan aktiviti latihan profesional berterusan untuk mengekalkan, mengemas kini atau membangunkan pengetahuan dan kemahiran mereka terhadap amalan PT&K masing-masing.
- (vi) Semua pengamal PT&K hendaklah memaparkan nama mereka dengan jelas semasa menjalankan tugas.

5.1.4 MANUAL OPERASI

Manual operasi harus disediakan dan mudah diakses oleh semua kakitangan fasiliti. Manual operasi ini hendaklah mengandungi arahan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara seperti yang berikut:

- (i) Pengurusan operasi fasiliti PT&K (contohnya: individu yang bertanggungjawab, carta organisasi, prosedur pelaporan kakitangan dan waktu operasi).
- (ii) Pengurusan kakitangan dan rekod mereka (contohnya: piawaian kebersihan diri dan penampilan, prosedur permohonan untuk faedah kakitangan seperti cuti dan latihan serta garis panduan untuk pendaftaran/ konsultasi/ diagnosis/ rawatan pesakit).
- (iii) Pengurusan pesakit dan rekod mereka (contohnya: garis panduan untuk mengakses sistem rekod perubatan, maklumat pesakit penting yang perlu direkodkan, mendapatkan persetujuan dan menjaga kerahsiaan).
- (iv) Piawaian kebersihan dan sanitasi (contohnya: garis panduan untuk pembersihan dan disinfeksi kawasan yang ditetapkan dan kawalan udara/ suhu/ vektor).
- (v) Pengurusan peralatan perubatan (contohnya: kawasan penyediaan/ penyediaan troli, sistem penyimpanan dan penyelenggaraan terancang).

- (vi) Keselamatan fasiliti PT&K, kakitangan dan pesakit (contohnya: pelan kecemasan, nombor telefon untuk dihubungi ketika berlaku kecemasan, kawalan infeksi dan mekanisme pelaporan insiden).
- (vii) Pengurusan produk PT&K dan bahan rawatan (contohnya: perolehan, garis panduan preskripsi PT&K, kawasan penyimpanan/ sistem dan audit berjadual).

5.1.5 MANUAL SUMBER MANUSIA

- (i) Manual sumber manusia harus disediakan dan mudah diakses oleh semua kakitangan di fasiliti.
- (ii) Manual ini hendaklah mengandungi maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara seperti yang berikut:
 - (a) Carta organisasi;
 - (b) Deskripsi tugas kakitangan;
 - (c) Latihan dan pembangunan kakitangan;
 - (d) Kebajikan kakitangan; dan
 - (e) Buku panduan kakitangan yang memperincikan faedah dan cuti, perjanjian kerahsiaan dan lain-lain yang berkaitan.

5.1.6 DAFTAR KAKITANGAN

- (i) Individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K harus menyimpan daftar kakitangan yang mengandungi butiran seperti yang berikut:
 - (a) Nama, umur, jawatan dan kelayakan semua kakitangan, termasuk pengamal PT&K, kakitangan perubatan, kakitangan teknikal, kakitangan sokongan dan kakitangan yang bertanggungjawab untuk penjagaan dan rawatan pesakit. Jika berkenaan, nombor pendaftaran profesional dan nombor

- perakuan pengamalan setiap ahli kakitangan juga perlu direkodkan.
- (b) Rekod cuti rehat dan cuti sakit, tarikh serta sumber rujukan yang diterima dan dikeluarkan dan keputusan penilaian kakitangan terkini. Maklumat ini hendaklah dirahsiakan tetapi boleh diakses oleh kakitangan yang berkaitan.
- (ii) Individu yang bertanggungjawab juga hendaklah menyelenggara daftar serupa untuk kakitangan sementara atau sukarelawan jika perkhidmatan mereka digunakan di fasiliti PT&K.

5.2 PENGURUSAN PESAKIT DAN PERKHIDMATAN

5.2.1 DAFTAR PESAKIT

- (i) Individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K hendaklah menyimpan dan menyelenggara daftar kehadiran, rujukan dan kematian bagi semua pesakit. Rujukan bermaksud tindakan merujuk seseorang ke fasiliti lain untuk konsultasi, semakan semula atau rawatan lanjut. Maklumat berikut hendaklah dimasukkan ke dalam daftar setiap kali pesakit dilihat atau rawatan susulan:
 - (a) Nama penuh.
 - (b) Nombor dokumen pengenalan.
 - (c) Tarikh dan masa lawatan.
 - (d) Jantina.
 - (e) Umur.
 - (f) Kewarganegaraan.
 - (g) Nombor telefon untuk dihubungi.
 - (h) Butiran rujukan, jika ada.
 - (i) Kematian, jika ada.

- (ii) Untuk rujukan pesakit, borang rujukan hendaklah mengandungi maklumat berikut, dan salinan borang rujukan hendaklah difailkan dalam rekod perubatan pesakit di fasiliti yang merujuk:
 - (a) Nama, alamat, tarikh lahir dan jantina.
 - (b) Nombor dokumen pengenalan.
 - (c) Fasiliti PT&K yang merujuk dan tempat rujukan.
 - (d) Tarikh rujukan.
 - (e) Diagnosis sementara pada masa rujukan.
 - (f) Ubat semasa, jika ada.

- (g) Alahan yang diketahui dan hipersensitiviti ubat, jika ada.
- (h) Keadaan pesakit semasa pemindahan.
- (i) Nama dan tandatangan pengamal yang merujuk.
- (j) Nota atau laporan yang dihantar bersama pesakit, jika ada.

5.2.2 SISTEM REKOD PERUBATAN PESAKIT

- (i) Individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K perlu mempunyai sistem yang sesuai untuk menyelenggara rekod perubatan pesakit.
- (ii) Sistem ini merangkumi kemudahan, prosedur dan mekanisme untuk menyusun serta menyelenggara rekod perubatan pesakit dengan cekap.
- (iii) Setiap rekod perubatan pesakit hendaklah mempunyai nombor pendaftaran yang sesuai dan dilindungi daripada kehilangan, pengubahan atau penggunaan oleh individu yang tidak dibenarkan.

5.2.3 REKOD PERUBATAN PESAKIT

- (i) Setiap rekod perubatan pesakit hendaklah mengandungi maklumat seperti yang berikut:
 - (a) Nombor pendaftaran.
 - (b) Nama, alamat, tarikh lahir dan jantina.
 - (c) Nama dan butiran hubungan waris terdekat atau penjaga sah.
 - (d) Butiran perubatan pesakit yang berkaitan, termasuk sejarah klinikal, siasatan, arahan perubatan yang ditandatangani oleh pengamal perubatan berdaftar (jika ada), ubat semasa, keputusan ujian diagnostik dan lain-lain yang berkaitan. Arahan perubatan oleh pengamal perubatan berdaftar ialah arahan diagnostik atau rawatan yang mungkin termasuk atau tidak termasuk preskripsi ubat.

- (ii) Rekod perubatan pesakit hanya boleh diambil dari fasiliti PT&K atas perintah mahkamah. Jika diambil atas perintah mahkamah, fasiliti tersebut hendaklah menyimpan salinan rekod tersebut. Rekod asal hendaklah dikembalikan pada akhir prosiding mahkamah.
- (iii) Semua catatan dalam rekod perubatan pesakit hendaklah bertarikh dan disahkan oleh individu yang memberikan arahan, menyediakan penjagaan atau melakukan pemerhatian, pemeriksaan, penilaian, rawatan atau perkhidmatan lain yang berkaitan dengan catatan tersebut. Catatan ini mesti ditulis dengan jelas dalam dakwat, ditaip atau direkodkan oleh komputer. Rekod perubatan pesakit mesti disimpan untuk tempoh masa yang sesuai seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa berkaitan, contohnya Arkib Negara Malaysia.

5.2.4 PENDEDAHAN AWAL INTERVENSI PERUBATAN

- (i) Pengamal PT&K yang merawat hendaklah memaklumkan pesakit mengenai diagnosis, rawatan atau produk PT&K yang akan diberikan.
- (ii) Maklumat tersebut hendaklah merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, justifikasi untuk diagnosis, rawatan atau produk PT&K, risiko prosedur, kesan sampingan yang mungkin berlaku serta sebarang alternatif, jika ada.

5.2.5 PERSETUJUAN PESAKIT UNTUK RAWATAN

- (i) Pesakit perlu memberikan persetujuan secara bertulis dan direkodkan sebelum menerima atau rawatan diberikan. Borang persetujuan pesakit hendaklah disediakan agar persetujuan dapat disahkan secara bertulis sebelum rawatan dimulakan.
- (ii) Bagi kanak-kanak yang di bawah umur, persetujuan perlu diperoleh daripada waris terdekat atau penjaga yang sah pesakit seperti yang tercatat dalam rekod perubatan. Jika pesakit tidak berupaya akibat kecederaan atau penyakit, persetujuan waris terdekat atau penjaga yang sah pesakit boleh diperoleh mengikut rekod perubatan pesakit.

- (iii) Pengamal PT&K tidak dibenarkan meneruskan rawatan tanpa persetujuan bertulis pesakit. Borang persetujuan pesakit hendaklah difaalkan dengan betul setelah lengkap dan ditandatangani.

5.2.6 DIAGNOSIS DAN RAWATAN PESAKIT

- (i) Prosedur diagnostik, rawatan dan penyediaan produk PT&K untuk pesakit hendaklah hanya dilakukan atas arahan perubatan daripada pengamal PT&K berdaftar. Arahan perubatan ini mesti ditulis dengan jelas dan ditandatangani oleh pengamal PT&K.
- (ii) Nama produk yang dipreskripsi hendaklah ditulis sepenuhnya sebelum sebarang singkatan digunakan dalam rekod perubatan pesakit.
- (iii) Pesakit juga perlu dimaklumkan tentang kemungkinan kesan sampingan apabila produk dipreskripsi. Produk yang dipreskripsi mesti dibungkus dan dilabel dengan kemas.
- (iv) Semua produk yang digunakan di fasiliti PT&K mesti didaftarkan mengikut piawaian dan keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia, melainkan terdapat pengecualian lain yang terpakai.
- (v) Rawatan pesakit hendaklah dijalankan oleh pengamal PT&K yang berdaftar atau individu yang bertindak atas arahan jelas oleh pengamal PT&K. Sebagai contoh, rawatan perubatan tradisional India (PTI) hanya boleh dijalankan oleh pembantu pengamal PTI di bawah pengawasan pengamal PTI.
- (vi) Individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K perlu memastikan sekurang-kurangnya seorang pengamal PT&K berdaftar bertugas pada setiap masa sepanjang waktu operasi fasiliti tersebut.

5.2.7 PENGGUNAAN PERANTI PERUBATAN

Penggunaan peranti perubatan dalam penyediaan perkhidmatan PT&K hendaklah mengikut amalan terbaik. Sebagai contoh, jarum akupunktur dan jarum yang digunakan untuk rawatan bekam basah hendaklah sekali guna

sahaja dan tidak boleh digunakan semula bagi memastikan tahap keselamatan pesakit.

5.2.8 KERAHSIAAN

- (i) Rekod perubatan pesakit hendaklah hanya boleh diakses oleh kakitangan fasiliti PT&K yang diberi kuasa.
- (ii) Sekiranya terdapat tuntutan sivil yang dibawa oleh atau terhadap fasiliti PT&K dan pengamalnya, akses kepada rekod perubatan pesakit boleh diberikan kepada pengamal PT&K yang telah menyediakan atau yang menyebabkan penjagaan diberikan kepada pesakit atau yang menyebabkan nota bertulis dibuat dalam rekod perubatan pesakit semasa menyediakan penjagaan tersebut. Ini bagi memastikan supaya rekod tersebut boleh digunakan bagi tujuan tuntutan sivil berkenaan. Pengamal di fasiliti tersebut berhak untuk memeriksa rekod perubatan pesakit.

5.2.9 PELAPORAN INSIDEN

Sebarang insiden yang tidak dijangka berlaku di fasiliti PT&K hendaklah direkodkan dan dilaporkan secara bertulis kepada pihak berkuasa berkaitan dalam tempoh masa yang ditetapkan selepas insiden tersebut atau selepas fasiliti mempunyai sebab munasabah untuk mempercayai insiden itu telah berlaku. Pelaporan insiden ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

(i) Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)

Tindak balas buruk (advers reaction) terhadap sesuatu produk PT&K atau bahan rawatan.

(ii) Polis Diraja Malaysia (PDRM)

- (a) Kematian pesakit daripada punca yang tidak dapat dijelaskan atau dalam keadaan mencurigakan yang memerlukan laporan polis.

- (b) Serangan atau kecederaan fizikal pesakit oleh kakitangan atau sebaliknya.

(iii) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)

Kebakaran di fasiliti yang mengakibatkan kematian atau kecederaan peribadi.

(iv) Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA)

Kerosakan atau salah guna peranti yang disengajakan yang telah atau akan mempunyai kesan sampingan yang ketara kepada pesakit atau kakitangan fasiliti jika tidak dielakkan.

5.2.10 PELAN PENGENDALIAN ADUAN PESAKIT

Individu yang bertanggungjawab terhadap fasiliti jagaan PT&K harus mewujudkan plan pengendalian aduan pesakit yang merangkumi tatacara bagi memberikan maklumat kepada pesakit tentang hak mereka untuk menyalurkan aduan dan tatacara pengendalian aduan.

5.2.11 PROSEDUR ADUAN

- (i) Sebarang aduan terhadap fasiliti PT&K boleh dibuat secara lisan atau bertulis oleh mana-mana pesakit kepada mana-mana kakitangan fasiliti. Kakitangan hendaklah mendokumenkan semua aduan yang diterima dan menghantarnya dengan segera kepada individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K pada hari bekerja berikutnya.
- (ii) Individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K adalah bertanggungjawab sama ada melantik seseorang atau secara peribadi bagi menjalankan siasatan terhadap aduan dan memberikan maklum balas kepada pengadu dalam tempoh masa yang ditetapkan berdasarkan plan pengendalian aduan pesakit.

- (iii) Jawapan kepada pengadu hendaklah mengandungi:
 - (a) Hasil siasatan.
 - (b) Pelan tindakan oleh fasiliti PT&K (jika ada).
 - (c) Maklumat hubungan untuk komunikasi lanjut jika pengadu tidak berpuas hati dengan maklum balas atau pengendalian aduan mereka.

5.3 KEPERLUAN RUANG UNTUK FASILITI PT&K

5.3.1 LOKASI FASILITI PT&K

- Fasiliti PT&K hendaklah terletak di lokasi yang bebas daripada gangguan bunyi bising yang berlebihan.
- Jika fasiliti PT&K berada di kawasan yang bising, pemegang lesen atau individu yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah munasabah untuk mengurangkan bunyi bising ke tahap minimum supaya pesakit dan kakitangan tidak terganggu.
- Fasiliti PT&K juga tidak boleh terletak di lokasi yang terdedah kepada asap berlebihan, bau busuk atau habuk.

5.3.2 PINTU, PINTU MASUK DAN PINTU KELUAR

- Pintu masuk, bilik stor dan pintu lain yang dilalui oleh kerusi roda, pengusung, troli besar atau barangan pukal hendaklah mempunyai kelebaran yang mencukupi.
- Pintu masuk dan pintu keluar di fasiliti PT&K haruslah terletak di kawasan yang hanya memberikan gangguan minimum kepada kakitangan dan pesakit.

5.3.3 LIF, TANGGA DAN TANJAKAN

- Pintu masuk dan pintu keluar fasiliti PT&K hendaklah direka bentuk agar pesakit boleh bergerak dengan mudah menggunakan kerusi roda atau pengusung.
- Bagi fasiliti PT&K bertingkat, hendaklah disediakan lif yang berfungsi, tangga dan tanjakan (jika perlu) yang boleh diakses dengan mudah oleh semua pesakit termasuk pengguna kerusi roda.

5.3.4 KETETAPAN KAWASAN UNTUK PENYEDIAAN PERKHIDMATAN

5.3.4.1 RUANG MENYAMBU TETAMU DAN MENUNGGU

- Fasiliti PT&K perlu mempunyai ruang menyambut tetamu dan menunggu yang mencukupi serta sesuai dengan kapasiti fasiliti dari segi bilangan kakitangan, pesakit dan pelawat.
- Ruangan ini hendaklah terang, lengkap dengan kemudahan yang sesuai, mempunyai pengudaraan yang baik dan sentiasa berada dalam keadaan bersih.
- Sudut informasi yang sesuai untuk pesakit dan pelawat perlu disediakan di kawasan menunggu.

5.3.4.2 BILIK SARINGAN

- Fasiliti PT&K hendaklah menyediakan bilik saringan yang sesuai, sekiranya diperlukan.
- Bilik ini hendaklah terang, lengkap dengan kemudahan yang sesuai, mempunyai pengudaraan yang baik dan sentiasa bersih.

5.3.4.3 BILIK KONSULTASI

- Fasiliti PT&K hendaklah menyediakan bilik konsultasi yang sesuai, sekiranya diperlukan.
- Susun atur bilik konsultasi hendaklah bersesuaian dengan sifat amalan. Sebagai contoh, pengamal perubatan tradisional Cina (PTC) mendiagnosis pesakit mereka berdasarkan prosedur diagnostik 14 langkah tradisional, yang mungkin memerlukan penggunaan katil pemeriksaan.
- Bilik ini hendaklah terang, lengkap dengan kelengkapan yang sesuai, mempunyai pengudaraan yang baik dan sentiasa berada dalam keadaan bersih.

5.3.4.4 BILIK RAWATAN

- Fasiliti PT&K hendaklah mempunyai bilik rawatan yang sesuai dengan keperluan perkhidmatan.
- Susun atur bilik rawatan hendaklah bersesuaian dengan sifat amalannya. Contohnya: dalam terapi Shirodhara, pesakit biasanya perlu baring di atas katil rawatan yang diperbuat daripada kayu neem atau bahan sesuai lain seperti yang ditetapkan dalam amalan Ayurveda. Katil rawatan juga hendaklah cukup besar untuk menampung badan yang berlainan saiz.
- Pertimbangan lain termasuklah pengasingan bilik rawatan mengikut jantina dan penyediaan platform tinggi (pangkin) untuk katil urut di fasiliti yang menawarkan perkhidmatan perubatan tradisional Melayu (PTM). Perkhidmatan PTM hendaklah diberikan oleh pengamal yang sama jantina dengan pesakit.
- Setiap bilik hendaklah terang, lengkap dengan peralatan yang sesuai, mempunyai pengudaraan yang baik dan sentiasa berada dalam keadaan bersih.
- Bilik rawatan hendaklah menyediakan privasi yang mencukupi untuk pesakit (contohnya: skrin privasi pesakit, langsir, larangan penggunaan peralatan pengawasan video yang tidak dibenarkan dan lain-lain) selaras dengan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

5.3.4.5 RUANG PENYEDIAAN

- Ruang penyediaan adalah bilik atau ruang khas yang digunakan untuk menyediakan peranti perubatan (contohnya: untuk terapi bekam) atau produk PT&K (yang terdiri daripada ubat, produk, atau bahan rawatan) untuk pesakit. Ruang penyediaan ini hendaklah dilengkapi dengan kemudahan seperti yang berikut:
 - Kabinet, rak, atau ruang penyimpanan yang bersesuaian.

- Ruang kerja yang mencukupi untuk penyediaan peranti perubatan atau produk PT&K.
- Sinki atau kemudahan yang mencukupi untuk mencuci tangan atau peralatan.
- Mesin pendispensan untuk penyediaan produk.
- Alat yang sesuai untuk pengukuran.
- Alat yang sesuai untuk pensterilan.
- Peralatan yang sesuai untuk kawalan suhu dan kelembapan.
- Kemudahan yang sesuai untuk pelupusan sisa.
- Peti sejuk dengan termometer yang digunakan secara eksklusif untuk penyediaan produk.
- Disinfektan, agen pembersih dan produk lain yang serupa tidak boleh disimpan di kawasan penyediaan.

5.3.4.6 RUANG PENYIMPANAN

- Peranti perubatan dan produk PT&K (yang terdiri daripada ubat, produk atau bahan rawatan) hendaklah disimpan dalam persekitaran yang bebas haiwan perosak. Oleh itu, ruang penyimpanan tersebut perlu direka bentuk dengan baik untuk mencegah kemasukan haiwan perosak.
- Fasiliti PT&K hendaklah mempunyai ruang penyimpanan yang mencukupi untuk peranti perubatan dan produk PT&K. Ruangan ini juga hendaklah sentiasa bersih, kering, bebas bau dan habuk, serta dilindungi daripada sinaran matahari.
- Ruang penyimpanan hendaklah mempunyai sistem pengelasan atau penyusunan peranti perubatan dan produk PT&K (contohnya: sistem Masuk Dahulu, Keluar Dahulu - FIFO) dan sistem yang digunakan mesti diketahui oleh semua kakitangan.

- Fasiliti PT&K hendaklah menyelenggara rekod inventori yang sekurang-kurangnya mengandungi maklumat terperinci mengenai item yang disimpan termasuk spesifikasi seperti bentuk dos, jenis, kekuatan, kuantiti setiap pek dan baki stok semasa.
- Rekod inventori hendaklah dikemas kini secara berkala.
- Peralatan perubatan dan produk PT&K hendaklah disimpan pada suhu dan kelembapan yang sesuai. Pemantauan suhu dan kelembapan hendaklah dilakukan secara berterusan di setiap bahagian dalam bilik penyimpanan.

5.3.4.7 TANDAS DAN BILIK MANDI

- Semua fasiliti PT&K hendaklah menyediakan tandas atau bilik mandi yang lengkap dengan ciri-ciri yang sesuai untuk kegunaan kakitangan dan pesakit.
- Sebagai contoh, fasiliti PT&K yang menawarkan terapi berasaskan minyak (seperti perubatan tradisional India) hendaklah mempunyai bilik mandi dan kemudahan pancuran mandian yang sesuai supaya pesakit boleh mandi selepas menerima terapi minyak dan berehat untuk tempoh masa yang sesuai. Bilik mandi hendaklah mempunyai tempat duduk dan pemegang tangan yang mencukupi agar pesakit warga emas boleh duduk semasa mandi atau bersiram.
- Tandas atau bilik mandi hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih dan diselenggara pada setiap masa.
- Ruang tandas atau bilik mandi hendaklah cukup luas untuk membolehkan pergerakan kerusi roda dan memberikan privasi yang mencukupi kepada pesakit.
- Pintu tandas atau bilik mandi tidak boleh dibuka ke arah luar. Jika pintu tersebut bersebelahan koridor, ia hendaklah dibuka ke arah sisi.

5.3.5 PERMUKAAN DINDING

- Permukaan dinding di fasiliti PT&K hendaklah diperbuat daripada bahan yang tidak toksik.
- Di bilik yang digunakan untuk penjagaan atau rawatan pesakit, dan di bilik penyediaan serta penyimpanan produk PT&K, permukaan dinding hendaklah licin dan boleh dicuci. Contohnya: untuk memudahkan pembersihan selepas terapi berasaskan minyak, dinding hendaklah dicat dengan cat berkilat yang boleh dicuci bagi memudahkan penyingkiran minyak.
- Di semua bilik atau kawasan yang terdedah kepada percikan, dinding hendaklah mempunyai kemasukan kalis air, sehingga melebihi paras percikan.

5.3.6 PAPAN TANDA

- Sistem papan tanda dan pelabelan yang mencukupi hendaklah disediakan di semua fasiliti PT&K.
- Papan tanda yang menunjukkan larangan merokok atau menghisap vape hendaklah dipasang di fasiliti PT&K.

5.3.7 KEMUDAHAN MEMBASUH TANGAN

- Setiap bilik hendaklah dilengkapi dengan kemudahan membasuh tangan yang lengkap, termasuk sabun, tempat membasuh dan kemudahan sanitasi untuk mengeringkan tangan.
- Semua paip di kemudahan membasuh tangan yang digunakan oleh pesakit hendaklah direka bentuk agar mesra pengguna dan mudah dikendalikan.

5.3.8 BEKALAN AIR

- Bekalan air yang digunakan di fasiliti PT&K perlu memenuhi piawaian kualiti yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan seperti oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).
- Fasiliti PT&K hendaklah sentiasa mempunyai bekalan air yang mencukupi untuk memenuhi keperluan operasi harian.
- Tangki air mestilah diselenggara secara berkala dan diperbuat daripada bahan yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

5.3.9 SISTEM PAIP

- Semua kelengkapan paip hendaklah direka bentuk serta dipasang supaya mudah dibersihkan dan disenggara. Sebagai contoh, adalah menjadi kelaziman bagi pesakit untuk mandi atau bersiram dengan serbuk perubatan khas selepas tempoh rehat yang sesuai pasca rawatan Ayurveda. Oleh itu, paip yang lebih besar dan perangkap gris mungkin diperlukan untuk bilik mandi bagi mengelakkan sistem paip atau pembedungan tersumbat.
- Sistem paip hendaklah direka untuk mencegah pencemaran silang antara bekalan air selamat dan tidak selamat serta mengelakkan aliran balik yang boleh menyebabkan pencemaran.

5.3.10 KAWALAN UDARA DAN PENGUDARAAN

- Sistem pengudaraan atau sedutan yang dipasang di fasiliti PT&K hendaklah bersesuaian dengan jenis amalan yang dijalankan.
- Sebagai contoh, di fasiliti yang menawarkan rawatan *moxibustion*, asap mungkin dilepaskan ke udara yang boleh mencetuskan sistem penggera kebakaran. Oleh itu, sistem pengudaraan dan ekzos yang mencukupi perlu dipasang di atas katil rawatan *moxibustion* untuk mengelakkan asap tersebut daripada terlepas ke persekitaran fasiliti.

5.4 PENGURUSAN LINEN DAN SISA

5.4.1 SISA DOMESTIK

- Sisa domestik perlu dikumpul dalam bekas yang sesuai seperti tong sampah hitam dan dilupuskan setiap hari.
- Bekas untuk sisa domestik ini hendaklah dibersihkan dengan teliti setiap kali ia dikosongkan.
- Kakitangan hendaklah mencuci tangan dengan teliti menggunakan sabun dan air bersih selepas menguruskan sisa domestik.

5.4.2 SISA KLINIKAL

- Pengurusan sisa klinikal hendaklah mematuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Sisa Terjadual) 2005 yang dikawal selia oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).
- Individu yang bertanggungjawab hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Pengendalian dan Pengurusan Sisa Klinikal di Malaysia, Edisi Ketiga, 2009 yang dikeluarkan oleh JAS semasa mengendalikan dan mengurus sisa klinikal. Kewajipan ini juga turut dinyatakan dalam Kod Tingkah Laku Profesional untuk Pengamal PT&K di bawah Pengurusan Peralatan Tajam dan Sisa Klinikal yang Betul.
- Sisa klinikal yang dihasilkan di fasiliti PT&K perlu dilupuskan mengikut piawaian yang ditetapkan. Contohnya termasuk:
 - Sisa tercemar yang terdiri daripada darah, sisa cecair badan, sisa berjangkit atau apa-apa bahan yang telah digunakan pada atau bersentuhan dengan pesakit, seperti putik kapas, sarung tangan, pembalut, kain kasa dan lain-lain, perlu dibuang ke dalam tong sisa klinikal untuk pembakaran lengkap.
 - Sisa tajam seperti jarum akupunktur, bilah, jarum lancet, picagari dengan jarum dan kaca perlu dibuang ke dalam bekas sisa tajam untuk pemusnahan lengkap.

- Produk PT&K yang tidak digunakan, tamat tempoh, atau tercemar dalam bentuk tablet, cecair, atau serbuk mesti dibuang ke dalam tong sisa klinikal untuk pembakaran lengkap.
- Sisa klinikal tidak berbahaya seperti bekas, botol, dan pembungkus luaran boleh dilupuskan seperti biasa di dalam tong sampah hitam.
- Penyimpanan, rawatan dan pelupusan sisa klinikal hendaklah dilaksanakan oleh fasiliti PT&K dengan menggunakan perkhidmatan pengangkut dan premis pelupusan yang dilesenkan oleh JAS. Senarai kemudahan/ pengangkut sisa terjadual yang dilesenkan boleh dirujuk di <https://eswis.doe.gov.my/>.
- Inventori terkini berkaitan sisa klinikal yang dihasilkan, dirawat, dan dilupuskan hendaklah disimpan oleh fasiliti PT&K bagi tujuan pelaporan kepada JAS. Rekod tersebut perlu disimpan sekurang-kurangnya selama tiga (3) tahun.

5.4.3 BEKALAN LINEN

- Fasiliti PT&K hendaklah sentiasa menyediakan bekalan linen bersih yang mencukupi untuk menjamin kebersihan serta keselamatan pesakit sepanjang masa.
- Linen bersih hendaklah sentiasa digunakan untuk katil pemeriksaan dan rawatan pesakit. Linen kotor hendaklah diasingkan daripada linen yang tercemar.
- Linen kotor merujuk kepada linen yang telah digunakan tetapi tidak mengandungi kekotoran fizikal. Ia boleh dicuci dengan detergen, dibilas dan dikeringkan di bawah sinaran matahari.
- Linen yang tercemar ialah linen yang telah dikotori oleh cecair badan dan rembesan serta menimbulkan risiko jangkitan. Linen tersebut hendaklah direndam dalam larutan natrium hipoklorit 0.5% selama 30 minit, dicuci dengan detergen, dibilas dan dikeringkan di bawah sinaran matahari.
- Linen yang tercemar hendaklah ditukar serta-merta selepas digunakan.

- Linen yang telah digunakan tidak boleh dikibas untuk mencegah penyebaran organisma berbahaya.
- Peralatan perlindungan diri yang sesuai hendaklah digunakan semasa mengendalikan linen yang telah digunakan.
- Kawasan penyimpanan untuk linen yang telah digunakan hendaklah ditutup, contohnya menggunakan beg linen. Linen bersih hendaklah disimpan di tempat yang sesuai, contohnya: dalam almari atau kabinet tertutup. Rekod yang mencukupi untuk pengurusan dan bekalan linen hendaklah disimpan dan diselenggara dengan sewajarnya. Rekod sedemikian mungkin termasuk daftar stok linen, penyelenggaraan mesin basuh, caj untuk perkhidmatan dobi luaran, penggunaan harian agen pembersih dan lain-lain.

5.5 PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KECEMASAN

5.5.1 PELAN TINDAK BALAS KECEMASAN

- Individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K harus mengambil langkah berjaga-jaga dan menyediakan pelan tindak balas kecemasan yang sesuai untuk semua kemungkinan kecemasan.
- Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, insiden seperti kebakaran, kecederaan cucuk jarum, atau pesakit tidak sedarkan diri.
- Pelan tindak balas kecemasan ini mesti disediakan di fasiliti PT&K dan merangkumi:
 - Maklumat hubungan kecemasan individu yang bertanggungjawab.
 - Butiran kemudahan perubatan atau jabatan bomba terdekat.
 - Pelan tindakan kakitangan.
 - Mekanisme rujukan.
 - Pelan evakuasi.

5.5.2 MAKLUMAT HUBUNGAN KECEMASAN

- Maklumat hubungan kecemasan hendaklah dipamerkan dengan jelas di lokasi yang mudah dilihat dan dicapai oleh semua kakitangan dan pesakit sekiranya berlaku sebarang kecemasan. Maklumat ini hendaklah termasuk:
 - Nombor telefon bomba dan polis.
 - Nombor telefon perkhidmatan ambulans.
 - Nama, alamat dan nombor telefon semua kakitangan yang perlu dihubungi dalam keadaan kecemasan.
 - Nombor telefon semua hospital di kawasan fasiliti PT&K.

5.5.3 PELAN KESELAMATAN SEMASA KECEMASAN

- Setiap fasiliti PT&K diwajibkan untuk menyediakan pelan menyelamatkan kecemasan yang lengkap berserta papan tanda arah keluar yang jelas dan mudah difahami.
- Pelan menyelamatkan kecemasan ini hendaklah dipaparkan di lokasi yang mudah diakses oleh semua kakitangan dan pesakit.

5.5.4 PENJAGAAN KECEMASAN ASAS

- Pengamal PT&K hendaklah merujuk pesakit ke fasiliti kesihatan yang berdekatan sekiranya pesakit mengalami kecemasan perubatan akut semasa rawatan, seperti pangsang, kesukaran bernafas, luka, pendarahan dan kecederaan muskuloskeletal. Selain itu, pengamal PT&K juga perlu merujuk pesakit ke fasiliti kesihatan yang sesuai jika penyakit atau keadaan pesakit di luar kompetensi atau kepakaran pengamal.
- Dalam kes kecemasan perubatan akut, pengamal PT&K hendaklah menilai keadaan pesakit untuk menentukan tahap keperluan perubatan pesakit.

- Jika keperluan perubatan pesakit memerlukan tindakan yang segera, fasiliti PT&K perlu menguruskan dan mengatur rujukan segera dengan memanggil ambulans dan memaklumkan fasiliti kesihatan yang dirujuk berhubung pemindahan pesakit yang akan berlaku. Jika pesakit mampu untuk pergi ke fasiliti kesihatan berdekatan sendiri, surat rujukan yang sesuai hendaklah disediakan.
- Fasiliti PT&K boleh menyediakan penjagaan kecemasan asas kepada pesakit yang mengalami kecemasan perubatan akut untuk memulihkan atau menstabilkan pesakit sementara menunggu pemindahan ke fasiliti kesihatan terdekat bagi menerima penjagaan yang lebih komprehensif.
- Sifat dan tahap penjagaan kecemasan asas yang boleh disediakan kepada pesakit, seperti pertolongan cemas, sokongan hidup asas (basic life support), resusitasi kardiopulmonari (CPR) dan Defibrilasi Luaran Automatik (AED), adalah bergantung kepada kemampuan fasiliti PT&K.
- Berdasarkan kemampuan yang ditetapkan bagi fasiliti PT&K dalam menyediakan penjagaan kecemasan asas, fasiliti tersebut hendaklah dilengkapi dengan peralatan dan bekalan perubatan yang diperlukan untuk menstabilkan pesakit, seperti sistem panggilan kecemasan, peti pertolongan cemas, peralatan pengurusan saluran pernafasan (contohnya: topeng poket, peranti beg-topeng, *laryngeal mask airway*), AED/ defibrilator manual dan lain-lain.
- Setiap fasiliti PT&K hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan yang bertugas semasa waktu operasi dalam memberikan bantuan pertolongan cemas dan/ atau sokongan hidup asas (basic life support). Seorang kakitangan kesihatan yang cekap dalam memberikan bantuan pertolongan cemas dan sokongan hidup asas (basic life support) mempunyai kemahiran untuk melakukan pembalutan atau *bandaging*, CPR dan AED, posisi pemulihan, *Heimlich Manoeuvre*, menguruskan tulang patah dan mengendalikan mangsa.
- Polisi dan prosedur yang sesuai untuk menyediakan penjagaan kecemasan asas serta rekod pesakit yang menerima penjagaan kecemasan asas hendaklah dilaksanakan.

5.5.5 KESELAMATAN KEBAKARAN

- Fasiliti PT&K perlu dilengkapi dengan peralatan keselamatan kebakaran yang mencukupi dan bersesuaian dengan keperluan serta saiz fasiliti, seperti alat pengesan asap, alat pemercik air, alat pemadam api dan tangga keselamatan.
- Peralatan keselamatan kebakaran ini perlu diselenggara mengikut jadual.
- Selain itu, ia hendaklah diletakkan di lokasi strategik dalam fasiliti seperti yang dikehendaki oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

5.5.6 KAWALAN INFEKSI

- Individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K adalah bertanggungjawab untuk membangunkan sistem kawalan jangkitan di seluruh fasiliti. Sistem ini perlu merangkumi langkah-langkah untuk mencegah, mengenal pasti dan mengawal wabak jangkitan. Bagi mencegah wabak jangkitan di fasiliti PT&K, fasiliti tersebut hendaklah memenuhi keperluan seperti yang berikut:
 - Mematuhi garis panduan cucian tangan sama ada yang berasaskan alkohol (hand sanitizing) dan cucian tangan dengan air dan sabun.
 - Melakukan saringan pesakit untuk penyakit berjangkit yang berpotensi sebelum rawatan.
 - Memastikan pesakit yang disyaki menghidap penyakit berjangkit dirujuk ke fasiliti kesihatan lain atau diasingkan daripada pesakit lain untuk mencegah penyebaran penyakit berjangkit.
 - Memastikan semua peralatan atau instrumen PT&K atau penjagaan pesakit yang sekali guna atau boleh buang digunakan sekali sahaja.
 - Semua peralatan atau instrumen PT&K atau penjagaan pesakit yang boleh diguna semula perlu dibersihkan dan disterilkan mengikut prosedur standard (seperti yang ditunjukkan dalam Polisi dan Prosedur Kawalan Infeksi KKM) sebelum digunakan untuk prosedur diagnostik atau rawatan.

- Semua bilik rawatan, bilik diagnostik, bilik persediaan dan kawasan penerimaan hendaklah bersih dan diselenggara pada setiap masa.
- Fasiliti PT&K hendaklah mewujudkan sistem untuk melaporkan semua wabak penyakit berjangkit yang dikenal pasti dalam kalangan pesakit, kakitangan atau komuniti yang mana fasiliti tersebut beroperasi. Berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, semua penyakit berjangkit yang disenaraikan dalam Jadual 1, Akta tersebut (contohnya: influenza avian, campak, demam denggi, malaria, demam kepialu) perlu dilaporkan segera kepada pihak berkuasa yang sesuai. Pihak berkuasa ini adalah:
 - Pegawai kesihatan daerah;
 - Pegawai di fasiliti kesihatan kerajaan;
 - Balai polis terdekat; atau
 - Ketua kampung.
- Untuk mengawal wabak jangkitan, fasiliti PT&K hendaklah mematuhi keperluan seperti yang berikut:
 - Memastikan mana-mana kakitangan yang telah dijangkiti penyakit berjangkit dikeluarkan daripada tugas sehingga mereka disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar untuk kembali bekerja.
 - Memastikan mana-mana peralatan yang tercemar semasa rawatan pesakit dengan penyakit berjangkit tidak boleh digunakan untuk pesakit lain sehingga ia telah didisinfeksi secukupnya.
- Individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K hendaklah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk melindungi semua kakitangan, pesakit dan persekitaran daripada bahaya biologi. Individu yang bertanggungjawab di fasiliti PT&K hendaklah mematuhi semua arahan dan garis panduan KKM mengenai kawalan jangkitan pada masa wabak penyakit berjangkit, seperti semasa pandemik COVID-19.

5.5.7 KAWALAN HAIWAN PEROSAK

- Fasiliti PT&K hendaklah direka bentuk dan diselenggara untuk mencegah kemasukan serta pembiakan tikus, cicak dan serangga seperti lipas dan semut serta haiwan perosak yang lain.

5.5.8 BEKALAN KUASA KECEMASAN

- Penjana kuasa kecemasan hendaklah disediakan sekiranya berlaku gangguan bekalan kuasa di fasiliti PT&K yang menyediakan perkhidmatan pesakit dalam.
- Penjana kuasa kecemasan boleh dipertimbangkan untuk fasiliti pesakit luar mengikut keperluan.

5.5.9 PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN TERANCANG

- Penyelenggaraan pencegahan terancang ke atas fasiliti PT&K dan peralatannya hendaklah dijalankan bagi memastikan ia sentiasa berfungsi dengan baik dan selamat digunakan.

6.0 PENGHARGAAN

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK), Kementerian Kesihatan Malaysia ingin merakamkan penghargaan atas sumbangan individu-individu berikut dalam penyediaan Garis Panduan Fasiliti dan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari di Malaysia ini:

Pengarah BPTK

Dr. Goh Cheng Soon

Cawangan Inspektorat dan Penguatkuasaan

Dr. Tajul Iqmal bin Tajul Arus

Dr. Ng Angeline

Baharuddin bin Azeesur Rahman

Catherine Benedict

Choong Yuen Shih

Dr. Ayda Liyana binti Ahmad Yusof

Dr. Kavitha A/P Agamutu

Cawangan Dasar dan Perkembangan

Teh Li Yin

Teoh Sheh Ki

Chua Yau Li

BPTK juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak berkepentingan daripada organisasi kerajaan dan bukan kerajaan seperti yang berikut, atas sumbangan mereka dalam penyediaan Garis Panduan Fasiliti dan Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari di Malaysia ini.

Organisasi Kerajaan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Bahagian Amalan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia

Organisasi Bukan Kerajaan

Ayur Center

Beijing Tong Ren Tang

Spa Bekam Ar-Rayyan

Tung Shin Hospital

Gabungan Pertubuhan Pengamal Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (GAPERA)

Persatuan Perubatan, Pengobatan dan Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa)

Malaysian Chinese Medical Association (MCMA)

Malaysian Homeopathic Medical Council (MPHM)

Federation of Complementary & Natural Medical Associations (FCNMAM)

Federation of Chinese Physicians & Acupuncturists Association of Malaysia (FCPAAM)

7.0 RUJUKAN

Advertising Guidelines for Practitioners of Traditional and Complementary Medicine. Traditional and Complementary Medicine Division (2016)

Business Registration Act 1956 and Regulations

Code of Professional Conduct for T&CM Practitioners. Traditional and Complementary Medicine Council (2021)

Companies Act 2016 and Regulations

Employment (Amendment) Act 2022 and Regulations

Environmental Quality Act 1974 and Regulations

Fire Services (Designated Premises) (Amendment) Order 2020

Fire Services Act 1988 and Regulations

Food Act 1983 and Regulations

Guideline on Application for Foreign Traditional and Complementary Medicine (T&CM) Assistant Practitioner (Amendment) No. 1/2023. Traditional and Complementary Medicine Division (2023)

Guidelines on the Handling And Management of Clinical Wastes In Malaysia. Ministry of Natural Resources, Environment and Climate Change Malaysia (2009)

Limited Liability Partnerships Act 2012 and Regulations

Local Government Act 1976 and Regulations

Medical Act 1971 and Regulations

Medical Device Act 2012 and Regulations

Medicines (Sales and Advertisement) Act 1956 and Regulations

National Cleanliness Policy. Ministry of Housing and Local Government (2019)

Notification of List of Prohibited Titles and Abbreviations 2022

Poison Act 1952 and Regulations

Policies and Procedures on Infection Prevention and Control. Ministry of Health Malaysia (2019)

Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 and Regulations

Private Healthcare Facilities & Services Act 1998 and Regulations

Registration Guideline for Foreign Traditional and Complementary Medicine Practitioners. Traditional and Complementary Medicine Council (2021)

Registration of Pharmacists Act 1951 and Regulations

Sale of Drugs Act 1952 and Regulations

Traditional and Complementary Medicine Act 2016 and Regulations



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

e ISBN 978-629-98019-2-4



9 786299 801924